

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Perdana Menteri mesti diberikan kuasa mutlak ke atas Petroleum National Bhd (Petronas) di bawah Akta Petroleum 1974 dan sama ada Kerajaan bercadang membuat pindaan kepada akta tersebut supaya kuasa ini diberikan kepada satu badan Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Kabinet.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PETRONAS merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab dalam pembangunan sektor minyak dan gas negara. Walaupun Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974) menyatakan PETRONAS adalah di bawah kuasa mutlak Perdana Menteri, PETRONAS ialah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Pada masa ini, pendirian Kerajaan Persekutuan adalah jelas untuk tidak meminda Akta Pembangunan Petroleum 1974.
2. Sebagai entiti komersial berasaskan keuntungan, PETRONAS mengamalkan aspek tadbir urus korporat yang baik (*good corporate governance*) dan ketelusan menerusi barisan kepimpinan eksekutif kanan yang diterajui oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif. Segala keputusan syarikat juga akan dibincang dan diteliti oleh barisan lembaga pengarah dan Pengerusi PETRONAS yang terdiri daripada ahli teknokrat dan pegawai kanan kerajaan yang berpengalaman luas dalam bidang kepakaran masing-masing.
3. Dalam usaha meningkatkan ketelusan, PETRONAS selama ini telah mengambil inisiatif untuk melaporkan laporan prestasi kewangan dan operasi serta maklumat-maklumat korporat yang lain pada setiap suku tahun dan tahunan menerusi laman sesawang www.petronas.com yang boleh diakses oleh semua pihak termasuk orang awam meskipun PETRONAS bukan syarikat yang disenaraikan di bursa saham.

Sekian, terima kasih.